



05 AUG, 2023

Kastam hanya buat pemeriksaan ke atas hand carry baggage

Kosmo, Malaysia



Page 1 of 2

Kastam hanya buat pemeriksaan ke atas *hand carry baggage*

PUTRAJAYA – Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) menjelaskan pemeriksaan bagasi dilakukan pihaknya di bahagian pelepasan penumpang hanya terhad kepada *hand carry baggage* sahaja.

JKDM dalam satu kenyataan memberitahu, bagasi berstatus *check-in baggage* perlu didaftarkan di kaunter sebelum penumpang melalui kawasan pemeriksaan pihaknya dan Jabatan Imigresen di pintu pelepasan.

"Apabila penumpang melalui kawasan pemeriksaan JKDM,

hanya bagasi di ikrar sebagai *hand carry baggage* sahaja yang akan diperiksa menggunakan mesin pengimbas.

"Dalam kes berkenaan, penumpang tersebut telah mendaftarkan bagasi *check-in baggage* sebelum melalui kawasan pemeriksaan kastam.

"Pemeriksaan kastam di bahagian pelepasan penumpang terhad kepada *hand carry baggage* sahaja," katanya di sini semalam.

Penjelasan itu dibuat sebagai mengulas kepada rampasan 47 ekor ular sawa dan dua bi-

awak yang ditemui dalam bagasi berstatus *check-in baggage* di Lapangan Terbang Antarabangsa Tiruchirapally, India menerusi penerbangan Batik Air dari Kuala Lumpur pada 29 Julai lalu.

Jelasnya, JKDM tidak dapat memberi maklumbalas bagi bagasi yang dibawa penumpang berstatus '*check-in baggage*'.

"Bagaimanapun, JKDM sentiasa komited bekerjasama dengan agensi-agensi lain dalam pengawasan pintu masuk negara demi mempertahankan keselamatan Malaysia," tegasnya.



KASTAM India merampas sebanyak 47 ekor ular sawa dan dua biawak dari seorang penumpang yang melakukan penerbangan ke negara berkenaan dari Kuala Lumpur Sabtu lalu.



05 AUG, 2023

Kastam hanya buat pemeriksaan ke atas hand carry baggage

Kosmo, Malaysia



Page 2 of 2

SUMMARIES

•PUTRAJAYA - Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) menjelaskan pemeriksaan bagasi dilakukan pihaknya di bahagian pelepasan penumpang hanya terhad kepada hand carry baggage sahaja. JKDM dalam satu kenyataan memberitahu, bagasi berstatus check-in baggage perlu didaftarkan di kaunter sebelum penumpang melalui kawasan pemeriksaan pihaknya dan Jabatan Imigresen di pintu pelepasan."Apabila penumpang melalui kawasan pemeriksaan JKDM,hanya bagasi di ikrar sebagai hand carry baggage sahaja yang akan diperiksa menggunakan mesin pengimbas.